

15 OCT 2003

Mahathir-Perwaja/I

PERWAJA GAGAL KERANA SALAH URUS - DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Perwaja Steel gagal kerana orang yang bertanggungjawab mengurusnya tidak begitu memahami proses membuat keluli dan teknologi yang diperlukan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengurus di peringkat tertingginya juga tidak turun ke padang dan kos pengeluarannya lebih tinggi daripada harga produk, katanya dalam temu bual dengan Bernama di sini semalam.

Temu bual 75 minit itu dibuat oleh Pengerusi Bernama Datuk Kalimullah Hassan, Ketua Pengarang Jaffar Hussin, dan dua Editor Eksekutif Datuk Azman Ujang serta Yong Soo Heong.

Dalam temu bual itu, Dr Mahathir telah diminta mengulas mengenai kemajuan pesat sebahagian syarikat Malaysia di pasaran dunia dan beliau menamakan Proton sebagai satu daripadanya.

Bagaimanapun, katanya, ada juga yang gagal kerana tiada siapa yang boleh menjamin kejayaan dalam perniagaan, dan menamakan Perwaja Steel sebagai satu contoh.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa Perwaja Steel gagal bukan kerana ia merupakan idea yang bodoh untuk mengadakan industri berat di Malaysia tetapi kerana orang yang diberi tanggungjawab mengurusnya tidak tahu bagaimana hendak mengurus.

"Bukan idea yang salah, ia adalah kegagalan pengurusan," beliau menegaskan.

Pengurusan peringkat tertinggi pada satu masa mengendalikan operasi dari Kuala Lumpur walaupun kilang keluli berada di Terengganu, kata perdana menteri.

Perwaja Steel bermula pada 1982 sebagai satu usaha sama antara Perbadanan Industri Berat Malaysia (Hicom) dan Nippon Steel Corporation dari Jepun. Ia telah mengalami kerugian dan pada 1996, ia diambil alih oleh Maju Holdings Sdn Bhd, sebuah syarikat keluli Bumiputera yang berjaya.

Ditanya bagaimana Perwaja Steel kerugian wang apabila permintaan untuk produk keluli pada ketika itu berada di tahap tertinggi, Dr Mahathir berkata walaupun terdapat permintaan, jika kos pengeluaran mengatasi harga jualan, anda masih kerugian wang.

"Mereka (Perwaja Steel) mengeluarkan keluli yang mereka tidak boleh jual dan operasi kilang terhenti. Itulah yang berlaku kepada Perwaja Steel."

Tetapi dalam kes Proton, Dr Mahathir berkata di peringkat awal, ia tidak mencatat prestasi yang baik dan beliau terpaksa membawa pakar dari Jepun untuk mengurusnya.

"Orang Jepun memulihkannya dan hari ini ia mencatat pencapaian yang baik," katanya.

Malaysia hari ini ialah satu daripada 10 negara di dunia dengan keupayaan mengeluarkan kereta dan Proton, yang mengeluarkan kereta pertama pada 1985, telah mengumumkan rancangan untuk mengembangkan pasaran di luar negara.

-- BERNAMA

SHY JH JR RON